

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN
HUKUM TAJWID MAD ASLI BERDASARKAN
MODEL TASMIK PROGRAM J-QAF DALAM
KALANGAN MURID TAHUN ENAM DI
PULAU PINANG**

MOHD SYAKIR BIN MOKTAR

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN
HUKUM TAJWID MAD ASLI BERDASARKAN
MODEL TASMIK PROGRAM J-QAF DALAM
KALANGAN MURID TAHUN ENAM DI
PULAU PINANG**

oleh

MOHD SYAKIR BIN MOKTAR

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Februari 2024

PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T Yang Maha Agung kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, telah memberi petunjuk, ilham, kekuatan dan kesabaran kepada saya bagi menyempurnakan penulisan tesis sarjana saya ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada penyelia yang sudi menerima saya untuk diselia iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Bin Sahad yang memberi peluang juga kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada saya untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Juga saya tujukan ucapan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Mohd Farid Bin Mohd Sharif yang telah membimbing dan menunjuk ajar dari awal pembabitan saya di dalam dunia akademik ini. Ucapan istimewa buat kedua ayah dan ibu saya Hj. Moktar Bin Mohamad dan Hj. Thuwaibah Khanon Binti Nizam Khan yang sentiasa mengiringkan doa dan azimat buat saya tanpa jemu sejak dari kecil sehingga kini. Juga tidak dilupakan buat ibu dan ayah mertua Abidah Binti Abd Hamid dan Hj. Zainuddin Bin Abd Karim yang banyak berkorban selama ini. Moga Allah S.W.T membalas dengan kebaikan kepada mereka semua. Seterusnya ucapan terima kasih dan sayang buat isteri Dr. Azalina Binti Zainuddin yang banyak berkorban mendidik mengasuh dan membesarkan anak-anak kami, Ahmad Hasan dan Ahmad Husain. Kata-kata semangat dan galakkan serta pesanan yang tidak jemu-jemu menjadi pemangkin dan dorongan untuk saya menghabiskan penulisan ini. Pada kesempatan ini juga saya tujukan ucapan terima kasih buat seluruh warga Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang membantu dan memudahkan semua urusan saya sepanjang menyambung pelajaran di USM dan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Najib Majdi Bin Yaacob yang membantu saya dalam analisis statistik. Tidak dilupakan ucapan penghargaan kepada JPN Pulau Pinang, bahagian biasiswa & penajaan KPM yang menaja cuti belajar saya serta seluruh keluarga besar di SK Permai Indah. Semoga segala usaha yang dilaksanakan dikira dan diberi ganjaran oleh Allah SWT.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH.....	viii
SENARAI GRAF	ix
SENARAI SINGKATAN	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xii
SENARAI LAMPIRAN.....	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah Kajian.....	1
1.3 Latar Belakang Kajian	5
1.4 Objektif Kajian.....	12
1.5 Persoalan Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Batasan dan Skop Kajian	15
1.8 Definisi Operasional	16
1.9 Rumusan	23
BAB 2 SOROTAN LITERATUR.....	25
2.1 Pengenalan	25
2.2 Pengajaran dan Pembelajaran Al-Qur'an.....	25
2.3 Model Tasmik Al-Qur'an Program J-Qaf.....	30
2.4 Hukum Tajwid Di Dalam Al-Qur'an.....	33

2.5	Masalah Di Dalam Penguasaan Pembacaan Al-Qur'an.....	34
2.6	Pendekatan Kaedah <i>Talaqqī Musyāfahah</i>	39
2.6.1	Amalan <i>Talaqqī Musyāfahah</i> di Sekolah.....	44
2.7	Kajian-kajian Lepas	46
2.7.1	Kaedah <i>Talaqqī Musyāfahah</i>	46
2.7.2	Program J-Qaf.....	47
2.7.3	Proses Pengajaran dan Pembelajaran.....	49
2.7.4	Hukum Tajwid	51
2.7.5	Model Khatam Al-Qur'an dan Model Tasmik.....	52
2.7.6	Lain-lain Tema.....	53
2.9	Rumusan	53
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		56
3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	56
3.3	Kaedah Pengumpulan Data.....	57
3.3.1	Kajian Lapangan	58
3.3.2	Kajian Kepustakaan	59
3.4	Lokasi Kajian	60
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	61
3.5.1	Sampel Kajian Kuantitatif.....	63
3.5.2	Sampel Kajian Kualitatif.....	65
3.6	Instrumen Kajian.....	66
3.6.1	Ujian Bertulis	66
3.6.2	Ujian Lisan.....	67
3.6.3	Analisis Dokumen.....	68
3.7	Kesahan Instrumen.....	70
3.8	Kajian Rintis	71

3.9	Proses Pengumpulan Data.....	72
3.10	Metode Analisis Data.....	74
3.11	Kerangka Teori Kajian.....	75
3.12	Rumusan	77
BAB 4	ANALISIS DAPATAN KAJIAN.....	79
4.1	Pendahuluan.....	79
4.2	Maklumat Demografi.....	81
4.2.1	Bilangan Responden	81
4.2.2	Jantina	83
4.3	Dapatan Kajian.....	83
4.3.1	Taburan Data.....	86
4.3.2	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah Kuantitatif	87
4.3.3	Ujian Normaliti	90
4.3.4	Tahap Pengetahuan Hukum Tajwid Mad Asli Dalam Kalangan Murid Tahun Enam.....	91
4.3.5	Tahap Penguasaan Hukum Tajwid Mad Asli Dalam Kalangan Murid Tahun Enam	93
4.3.6	Perbandingan Tahap Penguasaan Hukum Tajwid Mad Asli Di antara Murid Lelaki Dan Murid Perempuan.	95
4.3.7	Perbandingan Antara Pencapaian Gred Murid Dalam Ujian Dan Data Analisis Dokumen	98
4.4	Rumusan	100
BAB 5	KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	102
5.1	Pendahuluan.....	102
5.2	Kesimpulan	102
5.2.1	Tahap Pengetahuan Hukum Tajwid Mad Asli Dalam Kalangan Murid Tahun Enam.....	103
5.2.2	Tahap Penguasaan Hukum Tajwid Mad Asli Dalam Kalangan Murid Tahun Enam	105

5.2.3	Tahap Perbezaan Penguasaan Hukum Tajwid Mad Asli Dalam Kalangan Murid Tahun Enam	107
5.3	Implikasi Kajian.....	109
5.3.1	Implikasi Terhadap Bahagian Pendidikan Islam KPM.....	110
5.3.2	Implikasi Terhadap Guru Pendidikan Islam (GPI)	112
5.3.3	Implikasi Terhadap Guru Al-Qur'an	113
5.4	Saranan Kepada Ibu Bapa	114
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	117
5.6	Kesimpulan	118
RUJUKAN		120
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 Pencapaian khatam	12
Jadual 2.1 Pecahan Bidang Pendidikan Islam	34
Jadual 2.2 Asas Hukum Tajwid	36
Jadual 2.3 Pembahagian Hukum Mad	37
Jadual 3.1 Senarai sekolah yang terlibat	61
Jadual 3.2 Bilangan Sampel Murid	64
Jadual 3.3 Komen dan penambahbaikan instrumen oleh pakar	71
Jadual 4.1 Bilangan responden mengikut sekolah	82
Jadual 4.2 Bilangan responden. mengikut jantina	83
Jadual 4.3 Skema pengredan markah	86
Jadual 4.4 Analisis deskriptif taburan data	87
Jadual 4.5 Taburan data markah ujian bertulis, ujian lisan, jumlah dan peratus markah	90
Jadual 4.6 Gred pencapaian murid	92
Jadual 4.7 Tahap penguasaan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid tahun enam	94
Jadual 4.8 Perbandingan pencapaian gred ujian antara murid lelaki dan murid perempuan	95
Jadual 4.9 Perbandingan pencapaian markah ujian lisan, markah ujian bertulis, jumlah dan peratusan markah antara murid lelaki dan murid perempuan.	97

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 3.1 Reka Bentuk Kajian.....	75
Rajah 3.2 Kerangka Teori Kajian	77

SENARAI GRAF

	Halaman
Graf 4.1	Q-Q plot markah ujian bertulis 86
Graf 4.2	Q-Q plot markah ujian lisan 87
Graf 4.3	Histogram Taburan markah ujian bertulis 90

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
GPI	Guru Pendidikan Islam
HSP	Huraian Sukatan Pelajaran
IPS	Institut Pengajian Siswazah
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
KAA	Kelas Aliran Agama
KAFA	Kelas Agama Fardhu Ain
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KKQ	Kelas Kemahiran Al-Qur'an
KLAQ	Kem Literasi Al-Qur'an
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MTQSS	Majlis Tilawah Al-Quran Sekolah – Sekolah
MQSS	Mahrajan Al-Quran Sekolah - Sekolah
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
J-QAF	Jawi Al-Qur'an Bahasa Arab Fardhu Ain
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
S.A.W	Sollahu Alaihi Wasallam
SBP	Sekolah Berasmara Penuh
SK	Sekolah Kebangsaan
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina

SJKT	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
S.W.T	Subhanahu Wa Ta'ala
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USM	Universiti Sains Malaysia

PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan:

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	—	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sy	ل	l
ث	th	ص	ş	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	’
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	h

2. Vokal

PENDEK			PANJANG			DIFTONG	
ا	—	a	آ	—	ā	اى	ay
ى	—	i	اى	—	ī	او	aw
و	—	u	او	—	ū	ؤ	uw
						ي	y/i

Sumber : Dewan Bahasa dan Pustaka, <http://www.dbp.gov.my/dokumen/arabumi.pdf>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Teks Ujian Bertulis Dan Ujian Lisan
Lampiran B	Rubrik Pemarkahan
Lampiran C	Pengesahan Pakar
Lampiran D	Rekod Tasmik SK Batu Lanchang
Lampiran E	Rekod Tasmik SK Keledang Jaya
Lampiran F	Rekod Tasmik SK Kepala Batas
Lampiran G	Rekod Tasmik SK Sungai Batu
Lampiran H	Rekod Tasmik SK Permatang To' Kandu
Lampiran I	Surat Kelulusan EFRD
Lampiran J	Analisis Data Pencapaian J-Qaf
Lampiran K	Arahan Kutipan Data Surah Al-Fatihah
Lampiran L	Rekod Pencapaian Murid Program J-Qaf

**TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN HUKUM TAJWID MAD
ASLI BERDASARKAN MODEL TSMIK PROGRAM J-QAF DALAM
KALANGAN MURID TAHUN ENAM DI PULAU PINANG**

ABSTRAK

Pembelajaran al-Qur'an telah berlangsung sejak dari zaman Rasulullah S.A.W sehingga kini. Metod pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an yang menggunakan kaedah *talaqqī musyāfahah* menjadi wasilah dalam menyebarkan ilmu-ilmu berkaitan al-Qur'an. Salah satu ilmu-ilmu tersebut ialah ilmu tajwid al-Qur'an. Hukum tajwid mad asli merupakan satu daripada bahagian-bahagian ilmu tajwid yang penting. Walaupun hukum tajwid mad asli penting di dalam pembacaan al-Qur'an, masih ada di kalangan murid-murid sekolah rendah yang tidak boleh membaca hukum tajwid ini dengan baik. Justeru kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menentukan tahap pengetahuan sedia ada dan menilai tahap penguasaan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid-murid tahun enam. Penulis menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif sebagai tunjang kepada kajian ini. Kaedah kajian lapangan dan kepustakaan pula digunakan untuk menjana data kajian menerusi pengujian secara bertulis dan lisan serta analisis dokumen ke atas 132 responden. Penulis menganalisis data menggunakan perisian SPSS versi 27.0. Hasil analisis menunjukkan skor min ujian bertulis ialah 14.11 dengan sisihan piawai 4.02. Manakala skor min untuk ujian lisan ialah 20.72 dengan sisihan piawai 6.42. Skor min ujian lisan lebih tinggi daripada skor min ujian bertulis. Ini menunjukkan masih terdapat murid-murid yang lemah daripada sudut ujian bertulis berkaitan hukum tajwid mad asli walaupun hukum tajwid ini telah pun dipelajari seawal tahun satu. Kesimpulannya tahap pengetahuan murid tahun enam terhadap hukum tajwid mad asli masih rendah dan masalah ini perlu diatasi

melalui program-program intervensi seperti kem tajwid al-Qur'an dengan melibatkan murid-murid tahun enam sebelum melangkah ke sekolah menengah.

**LEVEL OF KNOWLEDGE AND TAJWID MASTERY OF MAD ASLI
BASED ON J-QAF PROGRAM TASMIK MODEL AMONG SIXTH YEAR
PUPILS IN PULAU PINANG**

ABSTRACT

Learning the Qur'an has been going on since the time of the Prophet Muhammad S.A.W until now. The teaching and learning method of the Qur'an that uses the *talaqqī musyāfahah* method is a way of spreading knowledge related to the Qur'an. One part of knowledge is the al-Qur'an tajwid. The law of mad asli tajwid is one of the important parts in tajwid al-Qur'an. Although the law of mad asli tajwid is important in reciting al-Qur'an, there are still among primary school pupils who cannot read this law of tawjid properly. Therefore, this study was conducted to determine the level of existing knowledge and assess the level of mastery of mad asli tajwid law among sixth year pupils. The authors uses the quantitative and qualitative approach as the mainstay of this research. In addition, field research and literatute review is used to generate data through written and oral test, along with document analysis on the 132 respondents. The methods used are written and oral testing as well as document analysis. The authors analyzed the data using SPSS software version 27.0. The results of the analysis show that the mean score of the written test is 14.11 with a standard deviation of 4.02. While the mean score for the oral test is 20.72 with a standard deviation of 6.42. The mean score of the oral test is higher than the mean score of the written test. This indicates that there are pupils who are still weak in written test related to the law of mad asli tajwid, even though they have studied that said topic as early as year one. This shows that the pupils can read the mad asli tajwid law well but get less marks when answering written questions. In conclusion, the sixth year pupils' level of

knowledge of the mad asli tajwid law is still low and this problem needs to be resolved through intervention programs such as al-Qur'an tajwid camps with full participation of all year six pupils before they set foot in secondary schools.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini menampilkan pernyataan dan pencerahan tentang sejarah al-Qur'an yang meliputi aspek penurunan, penyebaran al-Qur'an dan pembelajaran al-Qur'an. Selain itu bab ini juga membahaskan permasalahan yang berkaitan pembelajaran al-Qur'an di sekolah serta pencapaian murid dalam penguasaan hukum tajwid mad asli.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an merupakan salah satu elemen dalam program J-Qaf. Seajar dengan matlamat KPM yang mengharapkan murid-murid sekolah rendah berjaya khatam al-Qur'an, maka proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an telah dipertingkat dan ditambah baik bagi merealisasikan hasrat tersebut.¹ Melalui proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an yang baik mampu melahirkan modal insan yang berwibawa serta generasi intelek yang mendokong al-Qur'an sebagai wadah utama dalam kehidupan.

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an yang menggunakan kaedah *talaqqī musyāfahah* perlu seiring dengan pengetahuan dan penguasaan hukum tajwid. Kegagalan murid membaca al-Qur'an dengan bertajwid khususnya berkaitan hukum

¹ Raja Abdullah Raja Ismail & Dr.Saidi Mohd, 2018, "Model Khatam Alquran dan Tasmik Program Jqaf Berdasarakan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam:Tinjauan Dalam Daerah Kuala Nerus,Terengganu," *Seminar Kebangsaan Pdpc Abad ke 21, 23-25 April 2018*, IPG Kampus Sultan Mizan,Besut,Terengganu.

tajwid mad asli² telah menjadi satu isu terutama yang melibatkan murid-murid tahun enam. Malah ada di antara murid yang tidak dapat mengenal pasti dan membaca kalimah yang mengandungi hukum tajwid mad asli. Isu ini telah pun dinyatakan dalam satu kajian terdahulu iaitu tahap penguasaan al-Qur'an murid sekolah rendah masih di peringkat yang lemah dalam kemahiran membaca, *fasōhah* dan hukum tajwid.³ Pelaksanaan kaedah *talaqqī musyāfahah* semasa PdP al-Qur'an di sekolah memainkan peranan penting dalam menentukan pencapaian pembacaan murid. Namun terdapat beberapa masalah yang timbul berkaitan pelaksanaan kaedah ini seperti kekangan masa untuk murid memperdengarkan bacaan secara berhadapan dengan guru di dalam kelas. Selain itu guru juga mempunyai masa yang sedikit untuk setiap murid memandangkan terdapat murid yang ramai untuk disemak bacaan al-Qur'an dan iqra'.⁴ Keadaan ini menyebabkan sasaran agar semua murid tahun enam mampu khatam al-Qur'an sebelum ke sekolah menengah sukar dicapai. Sebelum ini juga terdapat laporan akhbar *Harian Metro* yang merakamkan kenyataan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pendidikan Melaka, Ahmad Hamizi Abu Hassan berkata, berdasarkan data Unit j-QAF (Jawi, al-Quran, Arab, Fardu Ain) SPI yang menjelaskan bahawa, lebih 700 murid atau tujuh peratus daripada kira-kira 11,000 murid tahun enam di Melaka tidak boleh mengaji al-Qur'an, selain turut

² Ag Ruzaini Ag Ali Omar, 2012, "Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli Dalam Surah-Surah Bacaan Alquran Tahun Lima," *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 27-28 September 2012, IPG Kampus Batu Lintang.

³ Raja Abdullah Raja Ismail et al., 2015, "Khatam Alquran: Isu-isu Pelaksanaannya Dalam Sistem Pendidikan," *National Research Seminar*, Convention Hall E-learning Building, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 12 Mei 2015.

⁴ Muhammad Amirullah Jasni & Mohd Isa Hamzah, 2023, "Kaedah Talaqqi Musyafahah Dalam Pembelajaran Al-Quan Di Malaysia," *12th International Conference On Busines Studies and Education (ICBE)*, 2-3 Disember 2023.

didakwa tidak mendirikan solat.⁵ Laporan ini menunjukkan perlu kepada kajian agar dapat dikenalpasti mekanisme dan penyelesaian terbaik terhadap permasalahan ini.

Selain itu terdapat kajian yang melibatkan responden daripada kalangan pelajar sekolah menengah turut menunjukkan prestasi yang lemah dalam menjawab soalan berkaitan hukum tajwid dengan memperoleh markah yang rendah di dalam ujian tajwid.⁶ Perbezaan tahap pencapaian bacaan al-Qur'an antara pelajar lelaki dan perempuan pula menunjukkan pelajar perempuan mempunyai kebolehpayaan membaca al-Qur'an dengan lebih baik berbanding pelajar lelaki.⁷ Begitu juga di dalam kajian Fairuz Samsudin⁸ yang menunjukkan terdapat perbezaan tahap pencapaian bacaan al-Qur'an di antara murid tahun enam lelaki dan perempuan. Manakala masalah lain yang dapat dikenal pasti melalui kajian terdahulu adalah berkaitan amalan pengajaran guru yang kurang mewujudkan minat murid untuk membaca dan belajar mengenai hukum tajwid al-Qur'an.⁹ Ini menyebabkan murid-murid kurang berminat dan tidak berusaha dengan sewajarnya untuk mempertingkatkan jumlah dan kualiti bacaan al-Qur'an sewaktu sesi tasmik al-Qur'an.

Dalam satu kajian berkaitan pencapaian hukum tajwid di sebuah sekolah rendah mendapati sebahagian besar murid masih lemah dalam menguasai kadar

⁵ Hassan Omar, 14 November 2019, "*Lebih 700 murid tak boleh mengaji Alquran*," Harian Metro.

⁶ Zabedah A. Aziz & Irfan Naufal Umar, 2014, "Keberkesanan Kursus Multimedia Pembelajaran Tajwid Terhadap Kefahaman Tajwid dan Bacaan Al Quran Murid," *The Online Jurnal Of Islamci Education*, 3: Special 2015, hlm 3.

⁷ Azarudin Awang et al., 2011, "Tahap Pembacaan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar di UITM Terengganu," *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3:2, hlm. 89.

⁸ Fairuz Samsudin, 2011, "*Tahap Pencapaian Murid-Murid Tahun Enam Dalam Modul Khatam Al-Quran J-Qaf Satu Kajian Di Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Muda Yan*," Tesis Master, Universiti Terbuka Malaysia.

⁹ Daud Ismail et al., 2014, "Perkembangan Dan Masalah Pembelajaran Alquran Dalam Program Jqaf Di Malaysia," *The International Journal of Islamic Studies (Islamiyyat)* 36:2, hlm 64.

harakat bacaan bagi hukum tajwid berkaitan mad.¹⁰ Kelemahan dalam penguasaan ilmu tajwid sememangnya serius dan perlu kepada satu kajian bermula di peringkat sekolah rendah yang melibatkan hukum tajwid mad asli. Ini kerana masih terdapat murid-murid yang tidak dapat membezakan kadar bacaan satu harakat dan dua harakat hukum tajwid mad asli.

Hukum tajwid mad asli merupakan hukum tajwid yang wajib dibaca dengan betul seperti juga penyebutan sifat huruf yang tepat serta pembacaan baris yang betul terutama di dalam bacaan surah al-Fatihah ketika solat.¹¹ Pembacaan al-Qur'an yang meminggirkan penyebutan sifat huruf dan pembacaan baris yang betul boleh menyebabkan perubahan makna ayat al-Qur'an serta mengakibatkan tidak sah solat seseorang.¹² Selain itu pembacaan al-Qur'an yang diterima perlu memenuhi rukun bacaan al-Qur'an iaitu menepati tatabahasa, bacaan bersanad serta bacaan yang menepati kaedah rasm Uthmani seperti yang dinyatakan oleh Imām Muḥammad Ibn Muḥammad al-Jazārī.¹³

Kesimpulannya penulis memilih hukum tajwid mad asli sebagai aspek utama kajian kerana melihat masalah berkaitan penguasaan hukum tajwid mad asli adalah masalah asas¹⁴ yang perlu diselesaikan dengan kajian yang akan dilaksanakan dalam

¹⁰ Rashidah Md Hasan et al., 2015, "Pencapaian Kelancaran Bacaan, Fasahah dan Hukum Tajwid Dalam Tilawah Alquran Murid Sekolah Rendah: Satu Tinjauan Awal", *International Conference On Islamic Education And Social Entrepreneurship*, Oktober 2015, Pulau Langkawi.

¹¹ Azraie Zulkifli, 2020, "Cara Baca Alquran Yang Dilarang", [youtube.com/watch?v=cTLdd10Edog](https://www.youtube.com/watch?v=cTLdd10Edog), *Promedia Tajdid Channel*, 17 Februari 2020.

¹² Ismail Khamus, 8 Jun 2014, "Kursus Kesempurnaan Solat Verse1," Annidhol Enterprise, [facebook.com/ustazismaillkamus/videos/kursus-kesempurnaan-solat](https://www.facebook.com/ustazismaillkamus/videos/kursus-kesempurnaan-solat), tarikh akses 20 Februari 2020, 11.30 pm.

¹³ Mohd Hazri Hashim al Bindany, 2016, "*Bacaan Alfatihah Yang Sempurna*," Galeri Ilmu, Kota Damansara, Kuala Lumpur, hlm. 48.

¹⁴ Ag Ruzaini Ag Ali Omar, 2012, "Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli Dalam Surah-Surah Bacaan Alquran Tahun Lima," *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 27-28 September 2012, IPG Kampus Batu Lintang.

kalangan murid-murid tahun enam. Malah berdasarkan pengalaman penulis yang berkhidmat mengajar murid-murid sekolah rendah selama lapan tahun mendapati kebanyakan murid menganggap hukum tajwid mad asli sebagai hukum tajwid yang mudah di dalam pembacaan al-Qur'an. Justeru hasil kajian ini kelak diharapkan dapat membantu murid-murid tahun enam bukan sahaja berjaya mengkhataamkan bacaan al-Qur'an 30 juzuk malah mampu membaca al-Qur'an dengan memelihara hak pada sebutan huruf mengikut makhraj dan sifatnya serta bertepatan pada dengung dan panjang pendek dengan sempurna seperti yang dinukilkan oleh seorang ulama dan cendekiawan dari negara Mesir iaitu Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī di dalam kitab *Al-Itqān Fī 'Ulūm Al-Qur'an*.¹⁵

*“...tajwid adalah hiasan bacaan, iaitu memberikan kepada setiap huruf hak-haknya dan urutan-urutannya serta mengembalikan setiap huruf kepada makhraj dan asalnya, melunakkan pengucapan dengan keadaan yang sempurna, tanpa berlebihan dan memaksakan diri”*¹⁶

1.3 Latar Belakang Kajian

Al-Qur'an adalah kalimah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud bacaan.¹⁷ Berbagai- bagai tafsiran yang diberikan oleh para ulama berkenaan asal usul kalimah ini. Sebahagian ulama memberi pandangan kalimah Qur'an (قرآن) adalah nama terbitan kata kerja Qara'a (قرأ). Ada juga ulama yang berpendapat Qur'an (قرآن) itu

¹⁵ Latifah Arifin, 25 Julai 2019, "Berguru Dalami Ilmu Tajwid," Berita Harian Online.

¹⁶ Imam Suyuthi, (Terjemahan Tim Editor Indiva), 2008, "Al-Itqan Fi Ulumil Qur'an, Indiva Pustaka, hlm. 402.

¹⁷ Mohd Yusuf Ahmad, 2013, "Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran," Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 2

bermaksud Qira'atan (قِرَاءَة) iaitu bacaan. Pendapat ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T : ¹⁸

إِنَّا عَلَيْنَا جَمْعُهُ وَقُرْآنَهُ ۖ فَإِذَا قَرَأْتَهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ۖ ﴿١٨﴾

Maksudnya : Sesungguhnya Kamilah yang berkuasa mengumpulkan Al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.

Al-Qur'an adalah kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Ia menjadi panduan manusia ke jalan kebenaran dan ketaqwaan.¹⁹ Al-Qur'an turut berperanan sebagai sumber rujukan utama manusia yang merangkumi segala aspek kehidupan di dunia dan akhirat. Al-Qur'an akan tetap digunakan merentasi sempadan masa dan tempat oleh setiap insan yang mengharapkan keredhaan Allah S.W.T .
Firman Allah S.W.T : ²⁰

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya : Sesungguhnya Al-Qur'an ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan orang-orang yang beriman, yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar

Al-Qur'an juga merupakan kitab suci istimewa yang dibaca oleh seluruh umat manusia zaman berzaman serta merentas sempadan kaum dan budaya sehingga ke saat

¹⁸ Surah al-Qiyaamah : ayat 17-18.

¹⁹ Muhammad Arshad & Mohamad Nahi Mohamed Hasbullah, 2009, "*Pengenalan Ringkas Ilmu Qiraat*," Badan Penerangan dan Penerbitan Persekutuan Melayu Republik Arab Mesir (PMRAM), hlm. VIII.

²⁰ Surah al-Isra' : ayat 9.

ini. Allah S.W.T telah memuliakan umat akhir zaman dengan kitab suci al-Qur'an yang tidak mampu ditiru oleh manusia daripada mana-mana bahagian al-Qur'an²¹ dan terhindar daripada sebarang bentuk penyelewengan. Al-Qur'an turut menjadi kajian ilmiah dalam kalangan ahli akademik mahupun daripada mereka yang digelar orientalis barat yang mempunyai propaganda tersirat namun al-Qur'an tetap kekal dan mendapat jaminan daripada Allah S.W.T. Ini berdasarkan firmanNya: ²²

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya : Sesungguhnya Kamilah yang telah menurunkan al-Qur'an dan Kamilah juga yang memeliharanya

Pendidikan al-Qur'an merupakan satu teras penting di dalam agama Islam. Proses pendidikan pembacaan al-Qur'an secara asasnya bermula dengan mengenal dan menyebut huruf *hijaiyyah* tunggal, berbaris dan bersambung. Seterusnya dilanjutkan kepada proses menyebut dan membaca potongan kalimah dengan hukum tajwid yang betul. Kemuncak kepada proses pembacaan al-Qur'an adalah kebolehan mengkhataamkan bacaan 30 juzuk al-Qur'an dengan baik.²³ Ternyata proses ini memerlukan masa dan menuntut kepada satu keiltizaman yang tinggi kerana penurunan al-Qur'an itu sendiri adalah secara beransur-ansur. Firman Allah S.W.T :²⁴

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا ﴿١٠٦﴾

²¹ Adik Hermawan, 2016, "I'jaz Al-Quran Dalam Pemikiran Yusuf Al-Qardhawi," *Jurnal Madaniyah*, 2: Edisi XI, hlm. 215.

²² Surah al-Hijr : ayat 9.

²³ Murihah Abdullah et al., 2015, "Strategi Awal Menghafaz Al-Qur'an Menurut Abu Dzar Al Qalamuni," *The 5th Annual International Quranic Conference 2015 (MUQADDAS V)*, 5-6 Mei 2015, Kuala Lumpur, Malaysia.

²⁴ Surah al-Isra' : ayat 106.

Maksudnya :Dan al-Qur'an itu Kami bahagi-bahagikan supaya engkau membacaknya kepada manusia dengan lambat tenang; dan Kami menurunkannya beransur-ansur

Perkembangan agama Islam telah mengangkat al-Qur'an sebagai wadah utama di dalam pendidikan Islam. Rasulullah S.A.W bersama para sahabat menyampaikan dakwah serta menyebarkan al-Qur'an ke serata benua. Berbekalkan keimanan dan keupayaan penguasaan ilmu al-Qur'an para sahabat ada yang berkelana jauh dari kampung halaman demi mengajarkan ilmu al-Qur'an. Begitu mulia mereka yang mengajarkan al-Qur'an sepertimana sabda Baginda Rasulullah S.A.W di dalam sebuah hadis :²⁵

خيركم من تعلم القرآن وعلمه

Maksudnya : Orang yang paling baik di antara kamu adalah seseorang yang belajar al-Qur'an dan mengajarkannya

Menjadi tuntutan sebagai umat Islam untuk membaca al-Qur'an dengan bacaan yang betul. Selain itu setiap individu seharusnya menjadikan al-Qur'an sebagai bacaan harian bukan sahaja di dalam solat malah di luar solat. Ibadah membaca al-Qur'an akan menjadi lebih sempurna dengan pembacaan yang betul dan seterusnya beroleh manfaat serta kelebihan bagi orang yang membaca , menghafaz dan mengajar al-Qur'an.²⁶

Proses penerimaan wahyu yang pertama adalah antara Rasulullah S.A.W dan malaikat Jibril A.S semasa baginda beribadah di Gua Hira'.²⁷ Pertemuan Rasulullah

²⁵ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Fadḥāil Qur'an, Hadis no.5027.

²⁶ Mohd Yusuf Ahmad, 2013, "Sejarah dan Kaedah Pendidikan Al-Quran," Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 15.

²⁷ Mohd Hanafi Mamat & Hamdi Ishak, 2016, "Model Khatam Al Quran J-Qaf: Pengaruh Terhadap Impak Pembelajaran Murid", *Jurnal Al Turath* 1:2, hlm. 34.

S.A.W dengan malaikat Jibril A.S merupakan pengenalan kepada permulaan kaedah *talaqqī musyāfahah* di dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an.²⁸ Pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an sangat penting dan perlu diambil serius sebagai individu muslim dalam menjalani kehidupan agar al-Qur'an dapat dijadikan sebagai panduan.

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an telah ditambah baik melalui program J-Qaf yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2004.²⁹ Malah program J-Qaf yang dilaksanakan memberi lebih keyakinan kepada ibu bapa dan masyarakat untuk melihat murid-murid yang tamat sekolah rendah boleh membaca al-Qur'an dengan baik. Selepas daripada pelaksanaan program J-Qaf, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan perjalanan program J-Qaf dengan pemantauan dan bimbingan secara konsisten yang dijalankan di peringkat negeri dan daerah dalam usaha memperkasakan bidang pendidikan Islam dan seterusnya melahirkan generasi muslim dan mukmin yang berwibawa.³⁰

Program J-Qaf yang dilaksanakan KPM menjadikan kaedah *talaqqī musyāfahah* sebagai teknik pengajaran semasa PdP al-Qur'an. Kaedah ini membolehkan murid berhadapan dengan guru semasa sesi PdP dijalankan.³¹ Guru memberi penekanan terhadap aspek kebolehan pembacaan al-Qur'an dengan betul.

²⁸ Nurul Huda Zainal Abidin et al., 2019, "Konsep dan Pelaksanaan Kaedah Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembelajaran Al Quran", *Malaysian Jurnal for Islamic Studies* 3:1, hlm. 28.

²⁹ Fairuz Shamsudin, 2011, "*Tahap Pencapaian Murid-Murid Tahun Enam Dalam Modul Khatam Al Quran J-Qaf Satu Kajian di Sekolah Kebangsaan Daerah Kuala Muda Yan*", Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, hlm 11.

³⁰ JAPIM (2004), *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, Kuala Lumpur: KPM, hlm. 1.

³¹ Sabariah Bahrin, 2009, "*Kajian Pelaksanaan Kurikulum J-Qaf di Sekolah Rendah di Sabah*", Tesis Sarjana, Universiti Malaya, hlm. 28.

Natijah daripada pelaksanaan program J-Qaf ini membolehkan ramai murid membaca al-Qur'an dengan baik selepas tamat sekolah rendah. Kebolehan membaca al-Qur'an dengan baik menjadi ciri utama dalam kejayaan pelaksanaan program J-Qaf. Sebagai contoh melalui pembacaan surah al-Fatihah yang betul sudah pasti menjadikan solat seseorang dikira sah kerana membaca surah al-Fatihah dengan betul di dalam solat adalah satu kewajipan.³²

Ciri penting berikutnya yang diberi penekanan di dalam pelaksanaan program J-Qaf ialah penulisan jawi. Secara dasarnya murid yang mempelajari al-Qur'an secara tidak langsung akan didedahkan kepada kemahiran penulisan jawi. Kemahiran ini penting untuk diterapkan semasa PdP untuk melengkapkan murid dengan kemahiran pembacaan al-Qur'an serta kemahiran pembacaan dan penulisan jawi. Melalui program J-Qaf yang dilaksanakan memberi satu lonjakan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam secara langsung. Program J-Qaf dilihat sebagai wadah yang lebih segar dan mapan sesuai dengan tenaga pengajar yang berjiwa muda dan bersemangat untuk mendidik anak murid.³³ Justeru keputusan KPM untuk terus mengekalkan pelaksanaan program J-Qaf di sekolah rendah membawa impak yang positif tentunya kepada murid-murid yang terlibat serta pihak yang berkaitan seperti guru-guru dan ibu bapa.

Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan program J-Qaf dengan matlamat melahirkan murid yang menguasai pembacaan al-Qur'an, bahasa Arab, menulis jawi dan berakhlak tinggi. Melalui program J-Qaf, murid-murid diberi

³² Mohd Hazri Hashim, 2013, "*Al-Ibanatu Fi Tajwidi Al-Fatihah(Memperindah Bacaan Al-Fatihah)*", M&N Classic Ventures Sdn Bhd,Petaling Jaya,Selangor,hlm. 6.

³³ Mohd Sabri Ahmad et al,2021," Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi (KCJ) di Sekolah Rendah Daerah Selangau, Sarawak, *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3:2,hlm. 146.

penekanan dalam pembacaan al-Qur'an, bacaan jawi, kemahiran asas bahasa Arab dan asas fardhu ain. Kemahiran tulisan jawi juga dapat membantu murid dalam penguasaan pembacaan al-Qur'an melalui huruf *hijaiyyah*. Namun begitu terdapat isu yang penting dan perlu diambil cakra iaitu berkaitan murid-murid tahun enam yang tidak mampu membaca al-Qur'an dengan baik terutama berkaitan hukum tajwid mad asli. Bahkan ada kajian yang menunjukkan terdapat ramai pelajar sekolah menengah yang tidak boleh membaca al-Qur'an dengan baik walaupun telah mengikuti proses pembelajaran al-Qur'an selama enam tahun di sekolah rendah.³⁴ Turut terjejas apabila murid-murid yang terpilih ke sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), kelas kemahiran al-Qur'an (KKQ) ataupun di sekolah agama tidak mampu membaca al-Qur'an dengan baik.

Penulis cuba mengkaji dan mencari sebab – sebab kepada berlakunya permasalahan ini yang turut mengganggu pembelajaran tambahan seperti kegagalan pelajar menguasai pengajian ilmu Qiraat di dalam kelas kemahiran al-Qur'an di peringkat sekolah menengah khususnya. Menurut kajian yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kelas kemahiran al-Qur'an (KKQ) di sebuah daerah mendapati 50% pelajar yang menduduki soal selidik berkaitan manhaj *Warsh* mencapai skor yang rendah.³⁵ Selaras dengan matlamat program J-Qaf, kebolehan murid-murid tahun enam membaca al-Qur'an sebelum melangkah ke sekolah menengah merupakan agenda utama semua pihak yang terlibat bermula dengan guru-guru, ibu bapa dan pihak kerajaan.³⁶ Semua pihak perlu memandang serius apabila

³⁴ Daud Ismail et al, 2014, "Perkembangan dan Masalah Pembelajaran Al Quran dalam Program J-Qaf di Malaysia", *The International Journal of Islamic Studies (Islamiyyat)* 36:2, hlm. 58.

³⁵ Abu Bakar Bin Ahmad, 2016, "*Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Pelajar KKQ Terhadap Manhaj Warsh*", Tesis Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³⁶ Mohd Hanafi Mamat & Hamdi Ishak, 2016, "Model Khatam Alquran Jqaf :Pengaruh Terhadap Impak Pembelajaran Murid," *Jurnal Al Turath* 1:2, hlm 35.

terdapat murid–murid tahun enam yang masih belum boleh membaca al-Qur’an malah tidak mampu menguasai hukum tajwid. Kajian ini adalah penting untuk mengetahui tahap pengetahuan dan penguasaan sedia ada murid-murid tahun enam terhadap hukum tajwid yang merupakan hukum asas dalam pembacaan al-Qur’an iaitu hukum tajwid mad asli.³⁷

Selain itu menurut hasil laporan pencapaian program J-Qaf menunjukkan penurunan di antara tahun 2016 sehingga enam bulan pertama pada tahun 2019. Menurut laporan yang disediakan, tahap penguasaan dan bilangan murid berjaya khatam al-Qur’an bagi negeri Pulau Pinang tidak menunjukkan peningkatan.³⁸

Jadual 1.1 Pencapaian khatam

2016	2017	2018
42.0 %	43.0 %	38.45%

Data analisis trend pencapaian khatam (Sumber Unit Pendidikan Islam Sektor Pendidikan Islam JPN Pulau Pinang)

Justeru penulis berharap melalui kajian ini dapat menghasilkan satu keputusan untuk dinilai dan diterjemah melalui penambahbaikan yang boleh membantu sektor pendidikan JPN Pulau Pinang khususnya untuk meningkatkan kembali tahap penguasaan dan bilangan murid khatam al-Qur’an di peringkat kebangsaan.

1.4 Objektif Kajian

Penulis menggariskan tiga objektif dalam kajian ini:

³⁷ Ag Ruzaini Ag Ali Omar, 2012, “Penggunaan Warna Pada Huruf-Huruf Mad Asli Dalam Surah-Surah Bacaan Alquran Tahun Lima,” *Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL*, 27-28 September 2012, IPG Kampus Batu Lintang.

³⁸ *Laporan Pencapaian Program J-Qaf Kutipan Jun & Oktober 2019*, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, KPM.

- i) Mengenal pasti tahap pengetahuan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid tahun enam.
- ii) Menilai tahap penguasaan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid tahun enam.
- iii) Menilai perbezaan tahap penguasaan hukum tajwid mad asli di antara murid lelaki dan murid perempuan.

1.5 Persoalan Kajian

- i) Apakah tahap pengetahuan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid tahun enam?
- ii) Bagaimanakah tahap penguasaan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid tahun enam?
- iii) Adakah terdapat perbezaan tahap penguasaan hukum tajwid mad asli diantara murid lelaki dengan murid perempuan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk jangka masa panjang bagi semua pihak yang terlibat dalam proses menghasilkan murid-murid yang menguasai ilmu pembacaan al-Qur'an dan mampu menjadi pemangkin ke arah kecemerlangan sahsiah dalam kalangan murid-murid. Keterlibatan murid - murid di dalam aktiviti kerohanian seperti program pembacaan al-Qur'an mampu melahirkan individu – individu yang bersahsiah mulia dan berkeperibadian tinggi.³⁹ Masalah kebejatan akhlak muda mudi hari ini juga dapat diatasi dengan pengisian program – program pembentukan akhlak dan jati diri yang

³⁹ Sh. Norhidayah Syed Aziz et al., 2022, “ Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Sahsiah Pelajar Tahfiz,” *Jurnal Pengajian Islam*, 15:1,hlm. 264.

bermodulkan al-Qur'an. Penulis optimis akan kelangsungan kajian yang dicadangkan ini mampu memberi sedikit sumbangan dan perkongsian akademik dalam kalangan sektor pengurusan J-Qaf di seluruh negeri. Sistem pengajian tilawah al-Qur'an telah lama berkembang dengan mengaplikasikan kaedah *talaqqī musyāfahah* sama seperti yang digunakan di Malaysia.⁴⁰ Malah sistem pendidikan al-Qur'an yang tertua di peringkat global di Universiti Al-Azhar, Mesir turut masih mengguna pakai kaedah *talaqqī musyāfahah*. Kaedah ini bukan sahaja kekal relevan digunakan malah telah melalui proses penambahbaikan dan penjenamaan yang baharu seperti yang diperkenalkan di dalam program J-Qaf.

Justeru, kajian yang dicadangkan ini amat penting untuk dijadikan sebagai indikator kepada guru-guru yang terlibat juga murid-murid tahun enam sebelum tamat pembelajaran di sekolah rendah agar dapat membaca al-Qur'an dengan lancar dan bertajwid. Pencapaian ini juga boleh diteruskan ke peringkat sekolah menengah khususnya bagi murid-murid yang memilih aliran agama sama ada di Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tahfiz Model Ulul Albab (SMKA TMUA) atau Kelas Aliran Agama (KAA) yang mementingkan pembacaan al-Qur'an yang tepat beserta cabang ilmu al-Qur'an yang lain seperti tafsir, tarannum dan qiraat.⁴¹

Hasil daripada kajian ini juga diharapkan dapat dijadikan sebagai rujukan tambahan dalam usaha pihak Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Pejabat Pendidikan Daerah Tengah (PPDT) untuk

⁴⁰ Ali Mursyid & Inayatul Mustautina, 2019, "Tajwid Di Nusantara Kajian Sejarah, Tokoh Dan Literatur," *Jurnal El Furqania* 5:1, hlm 77.

⁴¹ Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa, 2020, "Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur," *Jurnal Darul Quran*, 24, hlm. 3.

mendatangkan penyelesaian yang terbaik secara inovasi dan juga intervensi dalam mengatasi masalah kelemahan penguasaan kemahiran membaca al-Qur'an dalam kalangan murid-murid tahun enam sekolah rendah. Selain itu juga dengan adanya kajian ini boleh membantu mencapai sasaran supaya murid-murid tahun enam berjaya mengkhataamkan al-Qur'an sebelum tamat pembelajaran di sekolah rendah.

1.7 Batasan dan Skop Kajian

Kajian ini dilaksanakan di negeri Pulau Pinang yang melibatkan lima buah daerah yang terdapat di dalam negeri ini. Sekolah-sekolah yang terlibat hanyalah sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan (SK) dan tidak melibatkan sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT). Sebanyak lima buah sekolah yang dipilih di dalam kajian ini. Subjek kajian melibatkan murid-murid lelaki dan perempuan beragama Islam tahun enam yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Tujuan kajian ini dicadangkan adalah untuk mendapatkan data dan maklumat tentang tahap pengetahuan dan penguasaan hukum tajwid mad asli berdasarkan model tasmik al-Qur'an program J-Qaf.

Ujian bertulis dan ujian lisan yang mendapat kesahan daripada kalangan mereka yang mempunyai kemahiran dan pengalaman di dalam bidang pendidikan Islam dijalankan ke atas murid-murid untuk mendapatkan data berkaitan tahap pengetahuan dan penguasaan hukum tajwid mad asli. Manakala analisis dokumen melibatkan rekod tasmik harian murid, rekod individu pencapaian al-Qur'an murid dan analisa data pencapaian program J-Qaf murid digunakan untuk mengukuhkan hasil kajian yang dijalankan.

1.8 Definisi Operasional

Pemahaman kepada sesuatu tajuk penulisan akademik dapat dijelaskan dengan pendefinisian patah perkataan di dalam tajuk tersebut. Penjelasan mengenai tajuk ini penting kepada pemahaman tujuan kajian ini dijalankan. Seterusnya melalui penulisan ini mampu memberi penjelasan yang signifikan terhadap hasil kajian yang akan dijelaskan kelak.

1.8.1 Tahap - menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* bermaksud peringkat dan tingkat.⁴² Kajian yang dijalankan ingin menjelaskan dalam bilangan berkaitan sejauh mana peringkat yang berkaitan pembelajaran tertinggi di sekolah rendah dan tingkatan iaitu tahap kebolehan murid tahun enam membaca ayat al-Qur'an yang mengandungi hukum tajwid mad asli. Penulis ingin mendapatkan maklumat dan data terhadap bilangan murid tahun enam di dalam hukum tajwid mad asli yang telah dipelajari. Kajian ini menjurus kepada tahap pencapaian dan penguasaan murid tahun enam terhadap hukum tajwid mad asli.

1.8.2 Pengetahuan - membawa maksud ilmu yang bersifat fakta⁴³ dan memberi manfaat serta menjadi panduan di dalam kehidupan. Kajian ini akan menjelaskan kedudukan ilmu sedia ada berkaitan hukum tajwid mad asli dalam kalangan murid-murid tahun enam. Murid tahun enam telah pun mempelajari hukum tajwid mad asli sewaktu di tahun satu. Oleh yang demikian penulis berhasrat untuk memperolehi bilangan murid yang mengetahui dan menguasai hukum tajwid mad asli dengan baik.

⁴² *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, www.prpm.dbp.gov.my, tarikh akses 28 Mei 2020, 1000 pm.

⁴³ *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2017, Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, www.prpm.dbp.gov.my, tarikh akses 29 Mei 2020, 0930 am.

1.8.3 Penguasaan - Ditafsirkan sebagai kemampuan menggunakan ilmu yang ada pada tahap piawaian yang telah ditetapkan dengan berkesan.⁴⁴ Kajian yang dicadangkan adalah merujuk kepada pemerolehan data berdasarkan keberkesanan ilmu yang telah dipelajari untuk menjelaskan hukum tajwid mad asli dan seterusnya mengaplikasikan di dalam pembacaan ayat-ayat al-Qur'an.

1.8.4 Hukum tajwid - Tajwid dari sudut bahasa bermakna memperelokkan atau memperindahkan. Dari sudut istilah pula ialah mengeluarkan huruf dari tempatnya dengan memberikan hak-hak yang dimilikinya.⁴⁵ Secara umumnya tajwid merupakan ilmu yang membicarakan tentang cara membaca al-Qur'an dengan baik dan betul.⁴⁶

Firman Allah S.W.T :⁴⁷

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ﴿٤٧﴾

Maksudnya : Ataupun lebihkan sedikit daripadanya ; dan bacalah al-Qur'an dengan tartil.

Ayat al-Qur'an ini menjelaskan seseorang itu perlu membaca al-Qur'an dengan tartil. Tartil bermaksud membaca al-Qur'an dengan tenang, teratur dan betul. Para ulama telah bersepakat tentang pembacaan al-Qur'an secara tartil.⁴⁸ Ilmu tajwid pembacaan al-Qur'an telah bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi. Para sahabat

⁴⁴ Sapie Sabilan et al.,2018, "Analisis Tahap Penguasaan Bacaan Alquran Murid Tahun 5 Sekolah Kebangsaan Sungai Karang Berdasarkan Model Khatam Alquran dan Model Tasmik Jqaf," *International Conference On Islamic Education&Research(ICIER)*,Mei 2018,Eagle Bay,Pulau Langkawi,hlm 2.

⁴⁵ Imam Suyuthi,(Terjemahan Tim Editor Indiva), 2008,"*Al-Itqan Fi Ulumil Qur'an*, Indiva Pustaka, hlm. 402.

⁴⁶ Ahmad Fitri bin Mat Rusop,5 Februari 2018,"*Nota Ringkasan Asas Tajwid Al-Qur'an Rasm Uthmani Imam 'Asim*," Fatehah Learning Centre.

⁴⁷ Surah al-Muzzammil : ayat 4.

⁴⁸ Abu Zakaria Yahya Sharafuddin An-Nawawi(Terjemahan oleh Zakaria Ahmad Wan Besar), 2020,"*Terjemahan At- Tibyan Fil Aadabi Hamalatil Qur'an*," Pustaka Darussalam,hlm. 90.

yang mewarisi bacaan al-Qur'an daripada baginda telah menyebarkan bacaan tersebut kepada generasi umat Islam seterusnya. Selepas Islam tersebar ke seluruh tanah Arab sehingga ke Rom dan Parsi, bahasa Arab yang mula bercampur-aduk dengan bahasa yang lain.⁴⁹ Kumpulan bangsa arab dari pelbagai daerah dan tempat menerima dan menuturkan ayat al-Qur'an yang dipelajari mengikut dialek bahasa di daerah mereka. Hal ini menyebabkan berlaku kesalahan daripada sudut bahasa termasuk dalam bacaan al-Qur'an. Justeru mushaf al-Qur'an pada ketika itu telah ditambah dengan baris dan titik huruf seperti yang ada pada hari ini. Kini pembelajaran al-Qur'an lebih mudah dengan pelbagai kaedah dan teknik pengajaran dan penyampaian ilmu tajwid.

1.8.5 Mad asli - Mad daripada sudut bahasa bermaksud memanjang atau menambah.⁵⁰ Manakala daripada sudut istilah mad bermaksud memanjangkan tempoh bunyi huruf mad ketika bertemu hamzah atau sukun.⁵¹ Melalui huruf – huruf mad, lahir bacaan – bacaan panjang dalam al-Qur'an dengan pelbagai jenis hukum dan kadar harakat bacaan yang berbeza – beza. Salah satu hukum tajwid yang berkaitan pembacaan al-Qur'an ialah mad asli.⁵² Hukum mad asli melibatkan huruf و, ا dan ي. Hukum mad asli berlaku dalam tiga keadaan berikut :

⁴⁹ Latifah Arifin, 2019,” *Berguru Dalam Ilmu Tajwid*, “Berita Harian Online, 25 Julai 2019.

⁵⁰ Muhammad Mahmud Abdul 'Alim, 2002, “*Ah kam at-Tajwid wa Fadhail al-Quran*,” Syarikah al-Syamralli, Cetakan 4, hlm. 65.

⁵¹ Muhammad Mahmud Abdul 'Alim, 2002, “*Ahkam at-Tajwid wa Fadhail al-Quran*,” Syarikah al-Syamralli, Cetakan 4, hlm. 65.

⁵² Sheikh Abdul Muhamin Syed Ali Abdul Majid al-Misri, Januari 2019, “*Tajwid Al-Qur'an Qiraat 'Asim Jilid 2*,”

Al-Jenderaki Enterprise, Kuala Lumpur.

- i) Huruf mad ِ yang sebelumnya terdapat huruf yang berbaris *fathah* (atas).

Contohnya : ⁵³

قَالَ

(Huruf mad ِ ditandai dengan warna merah. Penulis menggariskan pada tempat yang terjadi hukum mad asli)

- ii) Huruf mad ُ yang sebelumnya terdapat huruf yang berbaris *dhommah* (hadapan)

Contohnya : ⁵⁴

يَقُولُ

(Huruf mad ُ ditandai dengan warna merah. Penulis menggariskan pada tempat yang berlakunya hukum mad asli)

- iii) Huruf mad ِ yang sebelumnya terdapat huruf yang berbaris *kasrah* (bawah)

Contohnya : ⁵⁵

قِيلَ

(Huruf mad ِ ditandai dengan warna merah. Penulis menggariskan pada tempat yang berlakunya hukum mad asli)

Kadar harakat bacaan mad asli ialah dua harakat, tidak kurang ataupun lebih. Pemanjangan pada huruf–huruf ini adalah secara *tabi'e* (semulajadi) selagi mana ia

⁵³ Surah al-Baqarah : ayat 30.

⁵⁴ Surah al-Baqarah : ayat 8.

⁵⁵ Surah al-Baqarah : ayat 11.

tidak bertemu dengan faktor faktor yang menyebabkan ia dibaca melebihi dari kadar dua harakat.⁵⁶ Terdapat 14 hukum tajwid yang berkaitan dengan hukum mad dengan nama-nama hukum yang berlainan, mempunyai sebab-sebab pemanjangan harakat, hukum dan kadar harakat yang berbeza-beza. Setiap pembaca al-Qur'an perlu mengetahui setiap hukum – hukum mad dan kadar harakat bacaan pada setiap kalimat yang dibaca di dalam al-Qur'an.

1.8.6 Model tasmik program J-Qaf – Bidang tilawah al-Qur'an merupakan komponen penting dalam program J-Qaf. Selama enam tahun murid-murid melalui proses pdp berkaitan pembacaan al-Qur'an dan iqra'. Murid juga diajar tentang hukum hakam tajwid semasa proses tersebut. Namun pdp tilawah al-Qur'an tidak memberi tumpuan secara individu terhadap murid semasa proses pdp berlangsung. Justeru model tasmik program J-Qaf diperkenalkan dan kemudian dilaksanakan sepenuhnya dalam pdp murid – murid sekolah rendah. Model tasmik juga merupakan satu model pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kaedah *talaqqī musyāfahah* sebagai metode pembelajaran al-Qur'an.⁵⁷ Melalui kaedah ini murid akan memperdengarkan bacaan al-Qur'an atau iqra' secara bersua muka dengan guru. Murid akan membaca bacaan al-Qur'an atau iqra' secara individu dan guru akan mendengar dan membetulkan kesalahan bacaan murid.⁵⁸ Kemudian murid akan mengulang semula bacaan dengan betul dan fasih.

⁵⁶ Surul Shahbudin al-Nadwi, 2022, “ Perbahasan Ilmu Tajwid Menurut Riawayat Hafs ‘an ‘asim Melalui Toriq Asy-Syatibiyyah,” *Kelas Bimbingan Rehal*, hlm. 113.

⁵⁷ Mohd Izzuddin Mohd Pisol et al., 2015, “Kesediaan Guru Dalam Pengajaran Model Tasmik Program J-Qaf,” *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1:1, hlm. 6.

⁵⁸ Raja Abdullah Raja Ismail & Saidi Mohd, 2018, “ Model Khatam Al-Qur'an dan Tasmik Program J-Qaf Berdasarkan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam : Tinjauan Dalam Daerah Kuala Nerus, Terengganu,” *Seminar Kebangsaan Pdpc Abad ke 21,23-25 April 2018*,IPG Kampus Sultan Mizan,Besut,Terengganu.

Murid terus iaitu murid yang boleh membaca al-Qur'an dengan baik semasa sesi tasmik dijalankan tidak perlu membaca mengikut sukatan juzuk yang disediakan.⁵⁹ Bahkan mereka digalakkan untuk membaca sendiri dibawah pemerhatian yang minima daripada guru. Ini membolehkan guru memberi tumpuan yang lebih kepada murid yang masih lemah dalam pembacaan al-Qur'an. Model tasmik ini dikemaskini dan ditambahbaik melalui pelaksanaan program J-Qaf yang dijalankan secara kolaboratif. Guru pendidikan Islam dibantu oleh guru bahasa Arab semasa sesi tasmik dijalankan bagi memenuhi keperluan murid dalam sesebuah kelas dan memastikan murid dapat membaca al-Qur'an dengan bertajwid.⁶⁰

Sekiranya bilangan guru Pendidikan Islam dan J-Qaf masih tidak mencukupi, pihak sekolah boleh melantik daripada kalangan guru akademik yang mempunyai kemahiran membaca al-Qur'an dengan baik untuk turut serta semasa sesi tasmik dan membantu membimbing murid membaca al-Qur'an atau iqra'.⁶¹ Di samping itu guru juga boleh meminta murid yang telah khatam al-Qur'an untuk membantu rakan – rakan yang belum menguasai pembacaan al-Qur'an. Pada awal pelaksanaan program J-Qaf, sesi tasmik dilaksanakan diluar waktu persekolahan. Namun begitu pada tahun 2015 melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 2, waktu yang baharu telah diperkenalkan untuk sesi tasmik iaitu di dalam jadual waktu persekolahan.

⁵⁹ Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli, 2021, “ Pelaksanaan Model Tasmik J-Qaf Secara Dalam Talian : Satu Pendekatan, “ *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1:3,hlm.3.

⁶⁰ Ab. Halim Tamuri et al., 2013, “ Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model – Model Tilawah Al-Qur'an Program J-Qaf,” *International Journal of Islamic Thought*, 3:June,8.

⁶¹ Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli, 2021, “ Pelaksanaan Model Tasmik J-Qaf Secara Dalam Talian : Satu Pendekatan, “ *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1:3,hlm.3.

Sesi tasmik juga merupakan proses membimbing dan merekod bacaan al-Qur'an atau iqra' murid-murid secara individu dengan matlamat agar murid dapat menguasai bacaan al-Qur'an secara bertajwid.⁶² Selepas perekodan dibuat, guru akan mengenal pasti murid yang masih tidak menguasai pembacaan al-Qur'an untuk dibimbing dengan lebih konsisten dan intensif. Murid-murid tersebut akan diletakkan di bawah program yang telah disediakan iaitu Kem Literasi al-Qur'an (KLAQ) dengan kerjasama guru-guru pendidikan Islam.⁶³

1.8.6 Murid - murid tahun enam – Murid-murid tahun enam merupakan mereka yang berada pada tahap tertinggi di dalam sistem sekolah rendah. Selain itu murid tahun enam juga adalah dikalangan mereka yang kebanyakannya berusia 12 tahun. Justeru pemilihan murid – murid tahun enam sebagai bahan kajian ini adalah untuk mengenal pasti murid yang mempunyai masalah di dalam pembacaan al-Qur'an.

Mereka adalah kalangan murid-murid tahun enam yang dipilih daripada kalangan murid lelaki dan perempuan. Mereka mewakili sejumlah murid tahun enam di sekolah masing-masing dan mereka adalah daripada kelas yang sama. Murid – murid ini juga telah menjalani dan melalui tempoh pembelajaran selama enam tahun di sekolah rendah. Kemampuan dan kebolehan mereka adalah setara dan seimbang antara satu dengan yang lain. Malah ada kajian yang menyatakan murid – murid tahun enam telah berada pada fasa kematangan daripada kalangan murid - murid yang lain.⁶⁴

⁶² Raja Abdullah Raja Ismail & Dr.Saidi Mohd,2018, “Model Khatam Alquran dan Tasmik Program Jqaf Berdasarakan Norma Baharu Guru Pendidikan Islam:Tinjauan Dalam Daerah Kuala Nerus,Terengganu,” *Seminar Kebangsaan Pdpc Abad ke 21*,23-25 April 2018,IPG Kampus Sultan Mizan,Besut,Terengganu.

⁶³ Fenny Farhana Mohd Sajari & Hafizhah Zulkifli, 2021, “ Pelaksanaan Model Tasmik J-Qaf Secara Dalam Talian : Satu Pendekatan, “ *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1:3,hlm.3.

⁶⁴ Pauline Anthony Sigar & Tajul Arifin Muhamad, 2020,” Kecergasan Fizikal dan Prestasi Akademik Murid Tahun Enam di Wilayah Persekutuan Labuan,” *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2:2, hlm. 35.

Justeru pemilihan murid – murid tahun enam adalah tepat bukan sahaja berdasarkan faktor kematangan yang dimiliki bahkan murid – murid tahun enam telah melalui proses pembelajaran seawal usia tujuh tahun.

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam murid - murid tahun enam seharusnya sudah boleh membaca al-Qur'an dengan lancar dan betul, tahu dan boleh melaksanakan tuntutan solat fardhu lima waktu dengan betul, mengenali dan memiliki kemahiran menulis di dalam tulisan jawi, mengetahui asas – asas perkataan dan perbualan harian di dalam bahasa Arab serta mempunyai pengetahuan berkaitan asas fardhu ain.

1.9 Rumusan

Pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an khususnya di sekolah rendah adalah medan permulaan pengenalan asas hukum tajwid kepada murid-murid sekolah. Antara tujuan KPM mewujudkan program J-Qaf adalah untuk memastikan murid-murid sekolah rendah mampu membaca al-Qur'an dengan bertajwid sebelum melangkah ke sekolah menengah. Namun hasrat ini perlu seiring dengan program dan aktiviti yang mampu merealisasikan matlamat ini. Hukum tajwid mad asli merupakan hukum asas di dalam pembacaan al-Qur'an yang sering dianggap mudah oleh murid yang mengakibatkan terdapat kajian-kajian lepas yang menunjukkan murid-murid lemah dan tidak menguasai hukum tajwid ini. Perbezaan di antara bacaan satu dan dua harakat sewajarnya tidak diambil mudah oleh murid-murid. Justeru kajian yang menguji tahap pengetahuan dan penguasaan murid terhadap hukum tajwid mad asli ini sememangnya penting agar murid dapat membezakan bacaan panjang mad asli dua harakat dan bacaan satu harakat.

Selain itu guru turut berperanan penting menjayakan hasrat KPM ini dengan mengambil intipati hasil dari kajian ini untuk dijadikan perbandingan dan nilai tambah terhadap pengajaran di dalam kelas untuk membantu semua murid. Murid-murid tahun enam yang menghabiskan masa selama enam tahun di sekolah rendah sepatutnya dapat menguasai hukum tajwid asas mad asli sebagai panduan di dalam membaca al-Qur'an. Perkara ini penting agar apabila murid-murid sudah berada di sekolah menengah tiada lagi laporan pelajar yang tidak menguasai pembacaan al-Qur'an terutama yang melibatkan bacaan surah al-Fatihah.